

11 AUG 1997

Bosnia-jamuan

BOSNIA DAN HERZEGOVINA HARAPKAN KERJASAMA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Bosnia dan Herzegovina berharap untuk mendapatkan kerjasama kukuh daripada usahawan Malaysia bagi membantu memulihkan ekonominya.

Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Boro Botic berkata di sini malam ini bahawa walaupun negaranya masih menghadapi masalah politik dan ekonomi, kerajaanya cuba mewujudkan suasana ekonomi pasaran terbuka dengan memperkenalkan undang-undang yang liberal.

"Kami kagum dengan kemajuan yang Malaysia capai dalam bidang teknologi dan ekonomi dan kami berharap pengalaman ini dapat digunakan oleh Bosnia dan Herzegovina," katanya pada satu jamuan malam oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meraikan beliau dan seorang lagi pengerusi bersama majlis itu, Haris Silajdzic sempena lawatan mereka ke Malaysia.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Botic berkata Malaysia telah berjaya menyelesaikan pelbagai masalah yang serupa dengan yang dihadapi oleh Bosnia dan Herzegovina seperti dalam soal perkauman, keagamaan dan ekonomi.

Beliau juga melahirkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia kerana pelbagai bantuan kepada negaranya.

Botic juga berterima kasih kepada Dr Mahathir yang memberikan pelbagai cadangan dan ide berhubung kerjasama dan perhubungan antara Malaysia dan negaranya.

Silajdzic berkata Bosnia dan Herzegovina bangga kerana mendapatkan seorang rakan seperti Dr Mahathir.

"Saya nampak satu pelangi bagi Bosnia dan Herzegovina dan Malaysia. Saya berharap Malaysia akan terus membantu kami memulihkan ekonomi kami," katanya.

-- BERNAMA

ARA MAI